

P.U. (A) 206.

AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984

PERATURAN-PERATURAN PERLESENAN TENAGA ATOM (RAYUAN) 1990

- Akta 304. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 32 dan 68 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:
- Nama dan mula berkuatkuasa. 1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Rayuan) 1990** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 26hb Julai 1990.
- Tafsiran. 2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain-
- "notis rayuan" ertinya notis rayuan yang tersebut dalam seksyen 32 Akta;
- "perayu" ertinya seseorang yang merayu di bawah seksyen 32 Akta terhadap apa-apa keputusan pihak berkuasa berkenaan.
- Notis rayuan. 3. Tiap-tiap perayu hendaklah-
- (a) Menyatakan dengan tepat, dalam notis rayuan, keputusan yang denganya dia tidak berpuas hati;
 - (b) Menyatakan, dalam notis rayuan, nama dan alamat penuhnya;
 - (c) Menghantar notis rayuan supaya sampai pada Menteri dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1) seksyen 32 Akta; dan
 - (d) Menghantar satu salinan notis rayuan itu kepada pihak berkuasa berkenaan supaya sampai pada pihak berkuasa berkenaan itu dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1) seksyen 32 Akta bagi pemberian notis sedemikian kepada Menteri.
- Alasan-alasan keputusan. 4. Apabila notis rayuan diterima, pihak berkuasa berkenaan hendaklah menyebabkan supaya disediakan suatu kenyataan yang menyatakan alasan-alasan yang berdasarkannya ia membuat keputusannya dan hendaklah menghantar alasan-alasan keputusan itu kepada perayu dan kepada Menteri.
- Alasan-alasan rayuan. 5. Perayu hendaklah menghantar satu salinan alasan-alasan rayuannya kepada pihak berkuasa berkenaan tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk pembicaraan rayuan.
- Penarikan balik rayuan. 6. Jika perayu memutuskan untuk tidak meneruskan rayuannya dia boleh menarik balik rayuannya pada bila-bila masa sebelum pembicaraan rayuan, dan sesudah itu keputusan pihak berkuasa berkenaan itu hendaklah disifatkan muktamad.
- Penghantaran dokumen-dokumen. 7. Tiap-tiap notis atau dokumen lain yang berhubungan dengan sesuatu rayuan hendaklah dihantar melalui pos berdaftar.

Diperbuat pada 13hb Jun 1990.
[LPTA (S): TAD/016/3; PN. (PU²) 425.]

Bagi pihak dan atas nama Perdana Menteri,

DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

ATOMIC ENERGY LICENSING ACT 1984

ATOMIC ENERGY LICENSING (APPEAL) REGULATIONS 1990

- Act 304. IN exercise of the powers conferred by section 32 and 68 of the Atomic Energy Licensing Act 1984, the Minister makes the following regulations:
- Citation and commencement. 1. These regulations may be cited as the **Atomic Energy Licensing (Appeal) Regulations 1990** and shall come into force on the 26th July 1990.
- Interpretation. 2. In this Regulations, unless the context otherwise requires-
- "appellant" means a person appealing under section 32 of the Act against any decision of the appropriate authority;
- "notice of appeal" means the notice of appeal mentioned in section 32 of the Act.
- Notice of appeal. 3. Every appellant shall-
- (a) State precisely in the notice of appeal the decision with which he is dissatisfied;
 - (b) State in the notice of appeal his full name and address;
 - (c) Send the notice of appeal so as to reach the Minister within the time stated in subsection (1) of section 32 of the Act; and
 - (d) Send a copy of the notice of appeal to the appropriate authority so as to reach the appropriate authority within the time stated in subsection (1) of section 32 of the Act for the giving of such notice to the Minister.
- Grounds of decision. 4. On receipt of the notice of appeal, the appropriate authority shall cause to be prepared a statement stating the grounds on which it arrived at its decision and shall send grounds of decision to the appellant and to the Minister.
- Grounds of appeal. 5. The appellant shall send a copy of the grounds of his appeal to the appropriate authority not less than ten days, before the date fixed for the hearing of the appeal.
- Withdrawal of appeal. 6. Where the appellant decides not to pursue his appeal he may withdraw the appeal at any time before the hearing of the appeal, where upon the decision of the appropriate authority shall be deemed to be final.
- Sending of documents. 7. Every notice or other document relating to an appeal shall be sent by registered post.

Made the 13th June 1990.
[LPTA (S): TAD/016/3; PN. (PU²)425.]

On behalf and in the name of the Prime Minister,

DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
Minister in the Prime Minister's Department